



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KANOWIT CULTURAL FESTIVAL (KCF)
TAHUN 2026**

8 MEI 2026 | JUMAAT

PENTAS UTAMA KANOWIT WATERFRONT

Salam Perpaduan, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sarawak Maju Makmur.

SALUTASI

****Salutasi terkini akan disediakan secara berasingan***

PENDAHULUAN

1. Hari ini, kita berkumpul bagi meraikan Majlis Perasmian **Kanowit Cultural Festival (KCF) Siri 1 Tahun 2026** yang diadakan di Kanowit Waterfront ini.
2. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Jawatankuasa Induk KCF yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kanowit** dalam memastikan kelancaran program ini dan mencerminkan komitmen berterusan khususnya dalam mengangkat kebudayaan dan kepelbagaian etnik di daerah Kanowit khususnya.
3. Penganjuran KCF Tahun 2026 ini merupakan penganjuran yang buat julung kalinya diadakan dengan memberikan penekanan kepada memelihara dan memperkukuh adat dan budaya warisan etnik, menjana sosioekonomi setempat

menerusi penjualan produk tempatan dan memperkasa perpaduan dalam kalangan komuniti.

4. Selain itu, saya juga difahamkan terdapat pelbagai pengisian menarik sepanjang pelaksanaan **KCF bermula 8 Mei 2026 hingga 31 Mei ini** dan antara tarikan utama ialah **Bazar Gawai, upacara Niti Daun, pertandingan Betaboh dan Ngajat, Pekt Kumang** dan bermacam-macam lagi sekali gus dapat mempromosikan Kanowit sebagai sebuah destinasi pelancongan dan budaya.

REALITI PERPADUAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. **Sarawak merupakan negeri yang amat kaya dengan kepelbagaian, daripada etnik sehinggalah flora dan fauna.** Di Sarawak, terdapat lebih daripada **27 kumpulan etnik dan lebih daripada 30 bahasa serta dialek,** menjadikannya antara negeri paling unik di Malaysia. Antara etnik utama termasuk Iban, Bidayuh, Melanau, Melayu Sarawak serta kelompok Orang Ulu seperti Kayan, Kenyah, Kelabit dan Penan, selain masyarakat Cina yang turut memperkaya landskap budaya negeri ini.

6. **Kepelbagaian ini menjadi asas kekuatan sosial yang membentuk keharmonian dan kestabilan masyarakat Sarawak.**
7. Di bawah kepimpinan YAB Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, Sarawak telah melakar pelbagai kejayaan besar dalam pelbagai bidang strategik seperti pendidikan, ekonomi digital, kecerdasan buatan (AI), semikonduktor, tenaga hijau serta teknologi hidrogen. Transformasi ini memperlihatkan hala tuju negeri yang jelas ke arah ekonomi berasaskan inovasi dan kelestarian masa depan.
8. Hari ini, **Sarawak berdiri sebagai antara wilayah paling pesat membangun di Malaysia, bahkan diiktiraf sebagai contoh kejayaan pembangunan inklusif yang berteraskan perpaduan, kebersamaan etnik dan keharmonian rakyat.** Inilah bukti bahawa kekuatan kepelbagaian, apabila diurus dengan bijaksana, mampu menjadi pemacu kemajuan yang luar biasa.
9. Dapatan **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2025** memberikan gambaran yang jelas tentang kedudukan perpaduan negara kita pada hari ini. Dengan **skor 0.701 yang berada pada tahap sedehana tinggi, ia membuktikan bahawa usaha berterusan kerajaan dan**

rakyat dalam memperkukuh perpaduan telah berada pada landasan yang betul dan menunjukkan trend peningkatan yang konsisten.

10. Lebih membanggakan, dapatan IPNas turut menunjukkan Wilayah Sarawak mencatat skor tertinggi di seluruh negara iaitu **0.791**, mencerminkan kekuatan nilai komuniti, toleransi dan hubungan sosial yang erat dalam kalangan masyarakat. Ini membuktikan bahawa asas perpaduan di Sarawak adalah kukuh dan berdaya tahan, hasil daripada **budaya hidup bermasyarakat yang menekankan nilai kebersamaan dan saling menghormati**. Kejayaan ini wajar dijadikan rujukan dalam memperkukuh perpaduan diperingkat nasional.

11. Dalam usaha memperkukuhkan kepelbagaian agama di negara ini, dialog antara agama atau *interfaith engagement* amat penting sebagai platform untuk saling memahami dan mengelakkan salah faham. Meja rundingan, dialog dan forum perlu terus diperkasa sebagai medan penyatuan, bukan perpecahan. Sehubungan itu, saya menyeru semua pihak khususnya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk terus memperkukuh dan memperluas program dialog antara agama sebagai ruang membina persefahaman, toleransi dan keharmonian nasional.

12. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada **Kerajaan Sarawak atas pembinaan Kompleks Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR)** di Jalan Ong Tiang Swee yang mencerminkan komitmen terhadap keharmonian masyarakat berbilang agama di wilayah ini. **Inisiatif ini menjadikan Sarawak sebagai negeri pertama di Malaysia yang mempunyai kemudahan seumpamanya, sekali gus memperlihatkan Sarawak sebagai contoh terbaik dalam aspek perpaduan dan keharmonian antara agama.**

13. Saya percaya kewujudan kompleks ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat, bukan sahaja untuk tujuan keagamaan, tetapi juga sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan. Ini selaras dengan pendekatan inklusif Kerajaan Sarawak yang menekankan keterangkuman sosial tanpa mengira latar belakang, demi memperkukuh perpaduan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Akhir kata, **Kanowit harus dikenali sebagai sebuah destinasi yang kaya dengan keunikan budaya, sejarah dan identiti masyarakatnya.** Usaha ini penting untuk membuka mata masyarakat luar tentang keistimewaan Kanowit yang penuh dengan warisan, tradisi dan nilai kebersamaan yang menjadi kebanggaan setempat.

15. Kejayaan penganjuran Kanowit Cultural Festival (KCF) ini merupakan langkah penting dalam memelihara serta mengembangkan adat dan tradisi masyarakat setempat di Kanowit. Saya berharap promosi KCF dapat diperluaskan lagi dan dimasukkan ke dalam *Calendar of Events* di bawah Sarawak Tourism Board sebagai *signature event* Kanowit, seiring dengan Pesta Kanowit yang dianjurkan setiap Oktober.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **Kanowit Cultural Festival (KCF) Siri 1 Tahun 2026.**

Sekian, terima kasih.